

BERITA HARIAN – SELASA 05 SEPTEMBER 2017



Najib dan Rosmah hadir pada Sambutan Hari Wanita Kebangsaan 2017 dan sesi Dialog TN50 yang turut dihadiri Rohani dan Azizah di ibu negara, semalam.

Hasil negara perlu ditingkatkan sekiranya mahu belanjawan yang lebih banyak Sumber kewangan yang ada untuk program pendidikan, kesihatan, kemahiran dan latihan yang membabitkan wanita bukan datang dari langit”

**Najib Razak,
Perdana Menteri**

'Bajet 2018 ada berita baik buat wanita'

→ Maklum balas, cadangan sesuai akan dimasukkan dalam belanjawan negara: PM

Oleh Mohd Azrone Sarabatin
azrone@bh.com.my

Kuala Lumpur

D atuk Seri Najib Razak berkata, Bajet 2018 yang dibentangkan Oktober ini turut merangkumi aspirasi rakyat yang disampaikan dalam dialog Transformasi Nasional 2050 (TM20).

(TN50).
Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak akan menunggu sehingga 2050 untuk melaksanakan input yang disuarakan dalam beberapa siri dialog sebelum ini.

Sebaliknya beliau berkata, mana-mana maklum balas atau cadangan yang sesuai akan diterima dan dimasukkan dalam belanja-

wan negara

Laksana perubahan sekarang
"Dialog TN50 ini bagi membuat perubahan pada masa akan datang, tetapi kita akan melaksanakan apa yang sesuai pada masa

"Sebagai contoh perubahan dalam bidang pendidikan hanya dinikmati pada dua atau tiga generasi akan datang," katanya ketika sesi TN50 yang dikendalikan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim sempena sambutan Hari Wanita Kebangsaan di sini semalam.

Yang turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor dan Tengku Permaisuri Norashikin.

sor dan Timbalan Menteri Pem-
bangunan Wanita, Keluarga dan

Masyarakat, Datuk Azizah Mohd Dun.

Seramai 18 wakil wanita mencakupi pelbagai latar belakang iaitu profesional, orang kurang upaya (OKU), ibu tunggal dan gelandangan mengambil bahagian dalam sesi dialog itu.

Berita baik untuk wanita
Najib memberikan bayangan beberapa berita baik berkaitan wanita akan diumumkan pada Bajet 2018.

"Saya tak mahu beritahu sekarang. *I don't want to let the cat out of the bag.*" katanya.
Bagaimanapun, Najib yang juga

Menteri Kewangan berkata, Bajet 2018 akan mengambil kira kekuatan kewangan negara.

lanjut negara sama dengan pengurusan kewangan keluarga dan kerajaan tidak boleh membelanjakan semua wang yang ada bagi mengelak masalah kemudian hari.

Beliau berkata, hasil negara perlu ditingkatkan sekiranya mahu belanjawan yang lebih banyak.

"Sumber kewangan yang ada untuk program pendidikan, kesihatan, kemahiran dan latihan yang membabitkan wanita bukan datang dari langit," katanya.

Najib turut meminta rakyat tidak termakan pembohongan pembangkang kononnya mahu menghapuskan cukai barang dan perkhidmatan (GST).

"Ia hanya cakap kosong untuk menagih sokongan rakyat," katanya.